



KOPUTRA

كوپوترا سي قلابوران كاكيتان بنك معاملات مليسيا برحد

Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad

RUJ.JPK/WP: 1/1 (UUK)/288/93/(3).BIL.DAFTAR KOOP NEGARA NO.88

No. Rujukan : KOPUTRA-Unit PT&A(NAAH)7/2019 – 7261

Tarikh : 24 Julai 2019

Semua Anggota KOPUTRA yang dihormati

Tuan/Puan,

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PER : TABUNG TAHFIZ KOPUTRA MELALUI SUMBANGAN BULANAN ANGGOTA

Salam hormat dari kami Anggota Lembaga dan Pengurusan KOPUTRA. Kami doakan Datuk/Datin/Tuan/Puan berada dalam keadaan sihat walafiat dan dirahmati Allah S.W.T.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPUTRA ke 33 pada 27 April 2019 telah meluluskan Aturan Tahfiz KOPUTRA selaras dengan dasar koperasi untuk memberi sumbangan kepada masyarakat. Disamping itu memberi peluang kepada anggota KOPUTRA bersama-sama menyokong pembangunan tahfiz KOPUTRA untuk kebajikan dan saham akhirat yang berterusan.

3. Maka itu, semua anggota KOPUTRA yang beragama islam diwajibkan membuat potongan minima RM10.00 sebulan. Sekiranya anggota ingin membuat potongan lebih dari RM10.00 tuan/puan perlu mengemukakan permohonan rasmi kepada pengurusan KOPUTRA. Manakala anggota yang tidak ingin meneruskan sumbangan bulanan ini, anggota perlu menghantar surat penolakan sumbangan bulanan kepada pihak pengurusan KOPUTRA.

4. Pihak KOPUTRA akan memulakan potongan Tabung Tahfiz ini pada gaji bulan Ogos 2019 melalui majikan masing-masing. Tuan/Puan boleh muat turun Aturan Tabung Tahfiz KOPUTRA di laman sesawang KOPUTRA dan portal KOPUTRA untuk rujukan tuan/puan.

5. Sumbangan tuan/puan ini akan disalurkan ke pusat tahfiz yang telah terpilih ialah Pusat Tahfiz Madrasah-Tahfiz Ad-Diniah, Sg. Tanjung Karang, Selangor dan pusat-pusat tahfiz lain yang memenuhi kriteria dan Aturan Tabung Tahfiz . Kerjasama ini telah dibuat pada Februari 2019.

Semoga dengan aktiviti kebajikan ini akan memberi keberkatan dan hikmah kepada tuan/puan dan seterusnya dapat menyumbangkan kepada aktiviti kebajikan kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
b/p **KOPUTRA**


SAZALI SAJIDIN
Setiausaha